



RINA (kanan) menghulurkan surat bantuan kewangan bu

Rina ziarah pesakit kronik di Sabah

KOTA BELUD: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Rina Harun, hari ini mengadakan ziarah prihatin ke atas beberapa individu yang menghadapi masalah kesihatan di sini.

Rina berkata, dalam lawatan itu, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) meluluskan permohonan bantuan individu terbabit bagi membantu meringankan beban keluarga mereka.

"Kami telah menyampaikan surat kelulusan (bantuan) itu kepada keluarga berkenaan termasuk warga emas yang terlantar sakit," katanya kepada pemberita selepas mengadakan ziarah prihatin, di sini hari ini.

Terdahulu Rina melawat seorang remaja, Nur Alia Emeida Timothy, 14, yang disahkan menghidap kanser medulloblastoma sejak 2018 di Kampung Limatok.

Anak sulung kepada pasangan suami isteri, Timothy Minsin dan Siti Norlela Mohd Albe itu masih mendapat rawatan di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Kota Kinabalu.

Siti Norlela berkata, anak sulungnya itu menjalani dua kali pembedahan pada hujung 2018 dan awal tahun lalu untuk membuang ketumbuhan di bahagian belakang kepala anaknya itu.

"Sekarang ini dia (Nur Alia) masih dalam pemerhatian doktor selepas selesai menjalani rawatan kemoterapi dan kini kesihatannya semakin bertambah baik," katanya.

Rina kemudiannya melawat seorang pesakit lelaki warga emas, Gumbulu Goyang, 83, yang menghidap penyakit kronik serta daif dan menetap di Kampung Pirasan.

Beliau berkata, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyalurkan bantuan bakul makanan, selain memberi tilam bagi keselesaan warga emas. Beliau turut melawat seorang pesakit kronik Azizan Musari, 26, yang terlantar selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya pada 2017.

Akibat kemalangan motosikal itu, Azizan mengalami patah tulang tenguk serta tulang belakang dan kini masih menerima rawatan di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu.

Sempena lawatan dua hari ke Sabah berakhir hari ini, Rina juga juga mengadakan lawatan ke Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu dan menyerahkan dua unit komputer untuk kegunaan penghuni di rumah berkenaan. – BERNAMA